

Temannya lelaki tak solat

Gadis bingung sama ada tinggalkan kekasih atau teruskan perhubungan

Soalan

SAYA gadis berusia 18 tahun dan mempunyai masalah dalam percintaan. Saya mengenali teman lelaki saya, Akmal sejak di tingkatan tiga lagi. Kami berkawan atas dasar suka sama suka.

Namun, sejak kecil dia tidak pernah solat dan tidak tahu mengerjakan solat. Dia yang tua setahun daripada saya kini bekerja sebagai anggota pertahanan awam.

Saya bingung sama ada hendak meninggalkannya atau meneruskan hubungan yang sudah terjalin selama tiga tahun.

Dia pernah memberitahu jika saya mengahwini orang lain, hidup saya tidak akan tenang. Saya juga enggan mengahwini jika dia tidak tahu bersolat. Pernah satu ketika saya ingin mengajarnya solat, tetapi dia menjawab dia akan solat selepas berkahwin. Saya jadi buntu Dr, apa harus dibuat lagi sedangkan saya menyayanginya.

GADIS SERBA SALAH
Jerantut, Pahang

Jawapan

SOLAT lima waktu sehari semalam adalah wajib bagi orang Islam. Firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 110 yang maksudnya: "Dirikanlah sembahyang dan bayarkanlah zakat... nescaya kamu peroleh pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah Maha melihat apa-apa yang kamu kerjakan".

Sembahyang satu ibadat yang dilakukan kerana Allah seperti firman Allah yang bermaksud: "Katakanlah: Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku, semuanya bagi Allah, Tuhan semesta Alam".

Sembahyang bukan dilakukan kerana ingin mengambil hati seorang perempuan atau kerana ingin berkahwin atau sebab lain tetapi hanya kerana Allah.

Jika teman lelaki adik ingin berubah untuk menunaikan solat, keinginan itu perlu datang dari dalam dirinya. Allah berfirman yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah tidak mengubah sesuatu kaum itu sehingga kaum itu mengubah apa yang ada pada diri mereka." (Ar Ra'ad: 11).

Usaha adik mengingatkan teman lelaki supaya sembahyang adalah usaha yang murni. Islam amat menggalakkan umatnya saling ingat mengingati. Firman Allah dalam surah An-Nahl ayat 125 yang maksudnya: "Serulah (manusia) ke jalan Tuhanmu dengan kebijaksanaan dan pengajaran yang baik, dan berbantahlah (berdebat) dengan mereka dengan jalan terbaik..."

Oleh itu, teman lelaki adik juga memerlukan bimbingan kerana seperti yang adik katakan, beliau tidak tahu bersembahyang.

Perkahwinan yang bahagia bergantung kepada pegangan teguh kepada Allah serta ajaran Islam yang berpandukan al-Quran dan sunnah. Selain itu, rasa cinta dan kasih sayang yang sentiasa membara serta rasa kesyukuran dan ketakwaan selain daripada rasa tanggungjawab.

Di samping itu, sikap budi bahasa, perasaan timbang rasa, toleransi atas segala kesilapan dan kelemahan suami isteri adalah amat perlu.

Ini bermakna, tidak semestinya adik hanya perlu berkahwin

dengan teman lelaki adik semata-mata untuk mendapat ketenangan dalam kehidupan. Tekad adik untuk tidak mengahwiniya selagi dia tidak mahu bersolat dengan sebarang kemungkinan yang akan berlaku.

Andainya tidak mengahwiniya dan terpaksa melupakannya, anggapih adik dengannya tiada jodoh. Seperti pepatah 'Mungkin Tuhan menginginkan kita bertemu dan bercinta dengan orang yang salah sebelum bertemu dengan orang yang tepat. Jadi, kita harus mengerti bagaimana berterima kasih atas kurniaan itu.'

Perubahan sikap selalunya akan mengambil masa. Bagaimana-pun Dr doakan agar adik berjaya mengubah sikap teman lelaki adik. Sama-samalah kita doakan agar hati teman lelaki adik dilembutkan untuk mendirikan sembahyang.

Hidup tanpa pegangan agama ibarat buih sabun. Bila-bila masa saja ia akan pecah. Agama juga tidak pernah mengecewakan manusia. Tetapi manusia yang selalu mengecewakan agama.

Siswi sangsi kejujuran kekasih

Soalan

SAYA siswi di sebuah universiti tempatan dan berusia awal 20-an. Sebagai manusia, saya ingin merasakan nikmat bercinta dan dicintai daripada seorang lelaki. Namun, sehingga kini saya tidak mempunyai kekasih.

Kadangkala, teringin mengisi kesepian seperti rakan lain. Bukan tiada lelaki mahu mendekati, namun hati saya takut terjerumus dengan percintaan. Saya sukar mempercayai lelaki sekarang yang kurang jujur dan setia.

Saya juga takut bercinta kerana bimbang melanggar batasan pergaulan antara bukan mahram. Saya bingung dengan kehendak hati ini. Apa yang harus saya lakukan dan bagaimana mengatasi kesepian hati ini?

GADIS KELIRU,
Muar, Johor



JUJUR...
kesetiaan kunci kepada hubungan berkekalan.

ini umpama bunga, maka cinta adalah madunya. Lelaki itu prosa alam, perempuan sajaknya. Cinta itu lagu dan perkahwinan orkestranya.

Pemikiran sukar mempercayai lelaki sekarang yang semakin kurang kejujuran dan kesetiannya akan membuatkan adik sentiasa meragui kehadiran seseorang yang bernama lelaki dalam kehidupan adik. Kesannya, adik akan sentiasa melarikan diri daripada menerima cinta seorang lelaki.

Pada usia adik, peringkat intimasi berlaku. Pada ketika ini, keinginan untuk mencari pasangan memang wujud. Lelaki

atau perempuan akan cuba mencari pasangan untuk dijadikan teman hidup. Kehadiran lelaki dalam kehidupan seorang wanita (begitu juga sebaliknya) penting kerana Firman Allah dalam surah Yasin ayat 36 yang maksudnya: "Maha Suci Tuhan yang menciptakan makhluk-makhluk semuanya berpasangan; sama ada dari yang ditumbuhkan oleh bumi atau dari diri mereka ataupun dari apa yang mereka tidak mengetahuinya".

Jujur atau setianya seseorang itu bukan bergantung kepada jantina. Kejujuran serta kesetiaan satu sifat manusia dan ia boleh wujud tanpa mengira lelaki

atau wanita. Namun, mungkin kita lebih banyak didedahkan dengan ketidajujuran lelaki dan persepsi bahawa lelaki semakin ramai yang tidak boleh dipercayai.

Persepsi begini hanya akan mewujudkan pemikiran tidak rasional adik terhadap lelaki. Bercinta bukan satu tiket untuk melanggar batasan pergaulan antara lelaki dan perempuan, juga melakukan dosa.

Oleh itu, untuk tidak melanggar batas pergaulan, adik perlu menjaga tatasusila dan tingkah laku ketika bercinta. Firman Allah bermaksud: "Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji. Dan suatu jalan yang buruk." (QS Al-Isra: 32).

Jelasnya, pemikiran negatif bahawa sukar bagi adik untuk mempercayai lelaki sekarang yang semakin kurang kejujuran dan kesetiannya perlu diubah agar hati adik akan terbuka untuk menerima kehadiran lelaki dalam kehidupan. Namun, pada waktu yang sama, perbuatan-perbuatan yang menghampiri zina perlu dielakkan.

Jawapan

UNTUK mengelak kesepian, adik perlu mengakui kasih sayang dan cinta adalah satu keindahan hidup. Hidup tanpa cinta ibarat taman tidak berbunga. Pujangga Hamka mengatakan kehidupan